

05 AUG 2003

Agong-Rusia/EMBARGO (2130/5 Ogos)

M'SIA ANGGAP RUSIA SEKUTU RAPAT DAN SENTIASA BEKERJASAMA ERAT HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Malaysia menganggap Rusia sebagai kawan dan sekutu rapat, yang secara bersama atau individu, sentiasa bekerjasama untuk mengeratkan hubungan dua hala, titah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Seri Paduka bertitah kerajaan kedua-dua negara telah mencabar dan memotivasikan generasi akan datang untuk berusaha lebih gigih dalam memastikan kesinambungan kegemilangan dalam pelbagai bidang kerjasama yang sedia wujud di antara Malaysia dan Rusia.

"Dengan menghormati masa lampau dan membentuk wawasan untuk masa hadapan kita, kita telah memastikan bahawa hubungan di antara Malaysia dan Persekutuan Rusia akan terus bergerak maju.

"Kesemua ini telah memberi keyakinan terhadap masa depan," titah Seri Paduka pada majlis santapan negara meraikan Presiden Rusia Vladimir Putin di Istana Negara di sini malam ini.

Putin, yang tiba semalam, berada di Malaysia untuk lawatan dua hari atas jemputan Yang di-Pertuan Agong. Kunjungan itu juga sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Rusia pada Mac tahun lepas.

Sambil melahirkan rasa gembira dan menyifatkan lawatan Putin mencerminkan kemesraan dan keutuhan persaudaraan yang terjalin di antara kedua-dua negara, Yang di-Pertuan Agong bertitah lawatan terulung seorang pemimpin Rusia itu melambangkan kejayaan proses transformasi politik serta ekonomi Rusia.

Seri Paduka mengucapkan tahniah kepada Putin berikutan reformasi ekonomi jangka panjang yang diperkenalkannya sejak menjawat jawatan Presiden Rusia pada 1999.

Yang di-Pertuan Agong turut mengucapkan takziah kepada Putin dan rakyat Rusia yang menjadi mangsa serangan bom pada satu konsert rock di Moscow pada 8 Julai lepas, sehingga menyebabkan lawatan Putin ke Malaysia pada masa itu terpaksa ditangguhkan, serta mangsa serangan bom di sebuah hospital tentera di Mozdok berhampiran wilayah Chechnya, Jumaat lepas.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah semenjak terjalinnya hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Rusia kira-kira 35 tahun lalu, yang pada masa itu dikenali sebagai Kesatuan Soviet, hubungan dua hala kedua-dua negara telah menyaksikan kemajuan dan perkembangan yang pesat.

Kerjasama di antara kedua-dua negara semakin meluas dalam bidang meliputi industri angkasa lepas, komunikasi dan maklumat, pertahanan dan kini dalam bidang perubatan dan sains bio-teknologi.

Jumlah dagangan dua hala semakin meningkat dan ahli perniagaan dari Malaysia dan Rusia telah mula berinteraksi serta menjalinkan hubungan yang erat dalam pelbagai sektor ekonomi, titahnya.

Dalam bidang pendidikan, Yang di-Pertuan Agong bertitah kehadiran lebih daripada 400 pelajar Malaysia di pelbagai institusi perubatan di Rusia bukan sahaja melayakkan mereka menjadi doktor bertauliah tetapi juga memberi peluang untuk mengenali khazanah sejarah dan kekayaan kebudayaan Rusia.

Seri Paduka bertitah pelajar Malaysia di negara itu juga telah berjaya menampilkan serta menonjolkan tradisi kebudayaan pelbagai kaum negara ini kepada masyarakat Rusia.

"Malaysia amat berbangga dengan masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kebudayaan, bangsa, bahasa dan agama. Keunikan Malaysia inilah

yang menjadi penjana kepada kekuatan Malaysia dan kerajaan Beta amat menitikberatkan keamanan serta kestabilan kerana ia membolehkan pelbagai lapisan masyarakat bergerak maju sebaik mungkin," titahnya.

Tuanke Syed Sirajuddin bertitah usaha gigih dan polisi bijak berkenaan telah meletakkan Malaysia di landasan yang betul dalam usaha mencapai wawasan Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

-- BERNAMA

HS HS MOZ